



NAJIB bersama Liow (tiga dari kanan) melihat replika terowong ECRL pada majlis pecah-tanah ECRL di Stesen Kota SAS.

## Lonjak sosioekonomi penduduk

**Kuantan:** Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menawarkan pelbagai peluang kepada penduduk setempat terutama dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

Penuntut Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Pahang (UMP) Nurul Amylia Hashim, 23, berkata, projek mega itu dilihat mampu melonjakkan taraf sosioekonomi penduduk di kawasan jajaran stesen ECRL amnya dan negeri ini khususnya.

“Selain membuka peluang pekerjaan ke-

pada generasi muda dan siswazah yang pakar dalam bidang masing-masing, pembinaan ECRL turut menjimatkan masa untuk ke sesuatu destinasi.

“Ini adalah projek yang sangat besar dan menarik, saya percaya banyak kebaikan akan dinikmati penduduk di sepanjang laluan ECRL ini,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Pecah Tanah ECRL yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Stesen Kota SAS, di sini, semalam.